



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

6 OGOS 2024

**ARAS 12, JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

PENDAHULUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

SALUTASI

<Salutasi>

Hadirin yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNYA dapat kita berhimpun di **Majlis Perasmian Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak** serta **Penyampaian**

Watikah Pelantikan ahli *Special Project Team (SPT)*

pada hari yang berbahagia ini.

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melihat kejayaan menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) ini adalah merupakan **kejayaan**

kerajaan perpaduan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dan juga kejayaan buat rakyat Malaysia khususnya yang sentiasa menunjukkan keprihatinan terhadap isu keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di negara ini.

3. Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak seperti yang telah **diumumkan oleh YAB Perdana Menteri** merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan **Belanjawan Bajet 2023** pada **24 Februari 2023** merupakan salah satu usaha dan solusi terbaik dalam menangani segera isu keselamatan dan kebajikan khususnya penderaan

dan pengabaian kanak-kanak yang semakin meningkat serta dapat menjamin perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak berlandaskan kepada lima teras utama iaitu pencegahan, pembangunan, perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian ke dalam masyarakat.

4. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MOF)** yang telah meluluskan **penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak** bagi menggantikan Bahagian Kanak-Kanak di bawah JKM berkuat kuasa mulai **1 September 2023**.

Tanpa sokongan perjawatan daripada pihak JPA dan peruntukan kewangan daripada pihak MOF, pewujudan JPKK ini tidak akan menjadi kenyataan.

JUSTIFIKASI PENUBUHAN JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

YBhg. Dato/Tuan/Puan,

Kepentingan memelihara kepentingan dan hak kanak-kanak

5. Statistik tahun 2023 menunjukkan bahawa 29% penduduk Malaysia atau 9.19 juta orang adalah

terdiri daripada kanak-kanak. Ini menekankan keperluan kerajaan untuk memainkan peranan aktif dalam memastikan hak kanak-kanak, termasuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan, dapat dipelihara selari dengan komitmen negara kepada CRC iaitu *Convention for the Rights of Children*.

6. Sejak akhir-akhir ini, kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak sering mendapat liputan meluas di media massa. Statistik JKM menunjukkan bahawa bilangan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan iaitu kes penderaan dan pengabaian telah meningkat

secara drastik pada tahun 2023 iaitu sebanyak 8,041 orang berbanding 6,770 orang pada tahun 2022 dan 6,144 orang pada tahun 2021. Peningkatan kes penderaan yang membawa kepada kematian juga semakin meningkat dan membimbangkan. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), pada tahun 2023 terdapat

sebanyak 98 kes kematian kanak-kanak berbanding 84 kes pada tahun 2022 dan 24 kes pada tahun 2021.

7. Justeru, penstrukturan semula organisasi JPKK diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak. Pada masa ini, bidang tugas kakitangan JKM seperti Pelindung

dan Pegawai Akhlak yang mempunyai tanggungjawab yang sangat berat. Antaranya adalah menyiasat aduan penderaan, menyediakan Laporan, menyelia dan memantau setiap kes kanak-kanak. Ini bermakna selagi fail kes masih belum ditutup, maka ia adalah menjadi

tanggungjawab Pelindung dan Pegawai Akhlak untuk menjalankan kerja kes.

8. Di samping itu juga, Pelindung dan Pegawai Akhlak turut berperanan sebagai *Ex-Officio* bagi Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak di peringkat

daerah/jajahan/Bahagian yang turut terlibat dalam merancang serta melaksanakan aktiviti atau program bersama-sama ahli pasukan yang merupakan ahli komuniti untuk tujuan advokasi dan pencegahan dalam komuniti setempat. Justeru, wujudnya pengkhususan akan membolehkan semua Pelindung dan Pegawai Akhlak dapat

melaksanakan kerja kes dengan sempurna dan terperinci.

9. Selain itu, penyediaan pengurusan sumber manusia yang kompeten dan professional. Tidak dapat dinafikan bahawa peredaran semasa memerlukan suatu perubahan dalam struktur Bahagian Kanak-Kanak yang sedia ada.

10. Ternyata struktur organisasi yang diluluskan tujuh tahun lalu sudah tidak mampu menampung pelbagai cabaran kompleks dalam sistem penyampaian perkhidmatan bagi kesejahteraan kanak-kanak. Perkhidmatan baharu seperti Program *Diversion*, Pemeliharaan Berasaskan Keluarga, Perintah Khidmat Masyarakat untuk

kanak-kanak, Khidmat Sokongan Saksi Kanak-Kanak dan perkhidmatan perlindungan di bawah Akta Anti Pamerdagangan dan Penyeludupan Kanak-Kanak (ATIP) memerlukan kepakaran dan pengkhususan dalam pelaksanaannya.

11. Selaras dengan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial yang memerlukan semua pekerja sosial berkemahiran tinggi dalam aspek praktis kerja sosial, penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak adalah tepat pada masanya. RUU Profesion Kerja Sosial menekankan pewujudan kakitangan yang memiliki kompetensi

khusus agar dapat memberikan perkhidmatan yang professional kepada semua klien jabatan. Dalam konteks ini, pewujudan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak adalah penting untuk merealisasikan perkhidmatan yang berkualiti kepada kanak-kanak.

12. Dalam konteks praktis kerja sosial ini, pengkhususan dan kompetensi kakitangan amat diperlukan bagi melaksanakan lima elemen Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial iaitu mengenalpastian masalah, perancangan intervensi, pelaksanaan, pemantauan, dan penilaian.

13. Pengurusan kes yang diguna pakai sebagai asas kemahiran kakitangan yang berkhidmat dengan kanak-kanak ini turut mengambil kira pendekatan penyelesaian masalah (*problem-solving approach*) dalam pengendalian kes. Rangkuman pengetahuan, nilai dan kemahiran kerja sosial menjadi asas kepada semua pekerja kes dalam

memberikan perlindungan dan sokongan yang optimum kepada kanak-kanak yang memerlukan.

14. Di samping itu, adalah pengintegrasian Sistem Perlindungan Kanak-Kanak Secara Bersepadu. Antara perkhidmatan penting berkaitan kanak-kanak termasuklah proses perlindungan,

penjagaan, pemulihan, penyiasatan dan pengintegrasian dalam keluarga dan masyarakat.

15. Dalam hal ini, proses melibatkan agensi-agensi utama dalam pengendalian kes kanak-kanak yang kompleks iaitu rawatan fizikal serta psikologi kanak-kanak, penyiasatan dan penempatan kanak

adalah amat penting. Ketika ini, pewujudan unit D11 (PDRM), OSCC dan SCAN Team (Jabatan Kesihatan) serta penubuhan JPKK melalui pengkhususan unit dapat melengkapkan serta mengkoordinasikan peranan atau fungsi agensi-agensi dalam mewujudkan sistem perlindungan secara bersepadu.

YBhg. Dato/Tuan/Puan,

16. Dalam setiap perancangan, pihak KPWKM sentiasa menekankan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, dan kesejahteraan kepada semua lapisan masyarakat, termasuk golongan kanak-kanak yang sering kali terpinggir. Kebajikan mereka harus

menjadi keutamaan dan hak-hak mereka perlu dilindungi dengan tegas.

17. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia tidak hanya dilindungi daripada ancaman dan bahaya, tetapi juga diberi peluang untuk berkembang dalam persekitaran yang sihat dan menyokong.

HALA TUJU JPKK SEBAGAI AGENSI DI BAWAH KPWKM

YBhg. Dato/Tuan/Puan,

18. Walaupun JPKK telah menjadi sebuah jabatan tetapi ia masih lagi berada di bawah pentadbiran Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, JKM. Ini adalah kerana peranan dan tanggungjawab menguruskan kebajikan kanak-kanak adalah berpandukan kepada Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) 1984

serta akta-akta lain yang berkaitan termasuk Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Akta Orang Papa 1977 di bawah JKM.

19. Perkhidmatan kanak-kanak juga masih tertakluk kepada beberapa akta di bawah kendalian

agensi lain seperti Akta Pengangkatan dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

20. Bagi merealisasikan pewujudan JPKK sebagai sebuah agensi berasingan di bawah KPWKM, maka

beberapa tindakan perlu dilaksanakan sebagai persediaan. Antaranya adalah pindaan terhadap dua akta utama berkaitan kanak-kanak iaitu Akta Kanak-Kanak 2001 dan Akta TASKA 1984. Justeru itu, pelantikan ahli *Special Project Team* (SPT) pada hari ini akan dapat mempercepatkan lagi proses penelitian terhadap dua akta tersebut agar dapat

dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara
dalam tempoh yang ditetapkan.

KOLABORASI STRATEGIK ANTARA AGENSI, BADAN BUKAN KERAJAAN SERTA AKTIVIS SOSIAL

YBhg. Dato/Tuan/Puan,

21. Hasrat KPWKM adalah untuk menjadikan JP KK sebagai sebuah agensi di bawah KPWKM dan mempunyai bangunan sendiri pada tahun 2026 apabila urusan pindaan akta dan hal-hal berkaitan diselesaikan. Oleh itu, bantuan serta sokongan Agensi Pusat terutamanya JPA, MOF dan Jabatan Peguam Negara (AGC) amat diperlukan agar

dapat terus bekerjasama bagi memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak di Malaysia.

22. Tidak dilupakan juga agensi-agensi lain yang sejak sekian lama saling membantu demi kumpulan sasaran yang sama. Kerjasama antara kementerian dan NGO serta orang perseorangan amat

diharapkan dalam proses pewujudan JPKK sehingga menjadi sebuah agensi berasingan di bawah KPWKM. Pewujudan JPKK perlu hadir bersama dengan sejumlah perjawatan tetap dan kontrak akan memantapkan lagi gerak kerja dalam komuniti sehingga ke peringkat akar umbi.

23. Sekali lagi, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada JPA dan MOF yang merealisasikan JPKK demi kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

PENUTUP

24. Saya dan barisan Pengurusan Tertinggi KPWKM yakin dan percaya bahawa dengan kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak, pada akhirnya kita akan dapat menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif serta perkhidmatan yang terbaik untuk kanak-kanak di Malaysia.

25. Dengan tertubuhnya JPKK, saya yakin bahawa isu-isu berkaitan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak akan dapat ditangani dengan lebih proaktif, cekap, dan pantas. Langkah ini bukan sahaja akan memastikan hak-hak kanak-kanak terjaga, tetapi juga akan meningkatkan kualiti

hidup mereka. Dengan usaha bersama semua pihak, kita boleh mencipta masa depan yang lebih cerah dan sejahtera untuk generasi akan datang.

**Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan
Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak.**

Sekian, Wabillahi taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.